



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Aras 6, Blok E8, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon

: 603-8884 6152

Faks

: 603-8889 5235

Laman Web

: <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/1 Jld. 2 (83)

Tarikh : 14 Ogos 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dipanjangkan Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti di **Lampiran 1** untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya dan memantau pelaksanaan pemakaian baju korporat oleh semua pegawai di bawah seliaan masing-masing demi meningkatkan imej korporat KPM.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(RAMZI BIN MANSOR)

b.p.Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

KSU

KPPM

TKSU (Perancangan & Pembangunan)

TKPPM (Dasar dan Kurikulum)

TKPPM (Operasi Sekolah)

TKPPM (Pembangunan Profesionalisme)

SENARAI EDARAN :

1. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Sekolah
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian PERMATA
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
8. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
9. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
11. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
12. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Aset
14. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

15. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
16. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
17. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
18. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
19. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan
20. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
21. Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
22. Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
23. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
24. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
25. Setiausaha
Bahagian Tajaan Pendidikan
26. Pengarah
English Language Teaching Centre
27. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
28. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
29. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir

30. Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
31. Ketua Unit
Unit Audit Dalam
32. Ketua Unit
Unit Integriti
33. Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat
34. Penasihat Undang-Undang
Unit Undang-Undang

Jabatan

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
16. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PEMAKAIAN
BAJU KORPORAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian baju korporat bagi semua pegawai yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Garis panduan melalui surat edaran Ketua Setiausaha KPM nombor rujukan KPM.100-1/7/1 (7) bertarikh 13 Ogos 2020 telah menetapkan pengubahsuaian kepada reka bentuk baju korporat KPM selaras dengan keputusan Kerajaan supaya Kementerian dan agensi Kerajaan menggunakan Logo Jata Negara sebagai Logo Rasmi.

3. Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-52 pada 16 Mei 2023, YB Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa KPM bersetuju memberikan kebenaran dan kelonggaran kepada guru di semua institusi pendidikan bawah KPM untuk memakai baju korporat bagi memberi keselesaan semasa bertugas. Ini merupakan satu daripada 10 inisiatif penambahbaikan kebajikan guru yang telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa acara sambutan tersebut.

4. Secara asasnya, pemakaian baju korporat oleh pegawai KPM adalah dibenarkan bagi memberi keselesaan semasa bertugas, khususnya ketika melaksanakan tugas rasmi di luar pejabat atau di lapangan. Kini pemakaiannya turut dipanjangkan kepada guru di semua institusi pendidikan bawah KPM. Reka bentuk baju korporat bagi pegawai lelaki dan wanita adalah seperti di **Lampiran 1**.

TATACARA PEMAKAIAN BAJU KORPORAT

5. Bagi pegawai lelaki, baju korporat hendaklah dipakai bersama-sama seluar panjang *slack/khakis* dengan keutamaan kepada warna gelap. Bagi pegawai wanita, baju korporat hendaklah dipakai bersama *skirt* labuh berbentuk "A" (*A-line skirt*) paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam dan tudung berwarna hitam/*dark blue/royal blue*.
6. Pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam/uniform hendaklah memakainya ketika bertugas pada setiap masa melainkan diarah dari semasa ke semasa oleh Ketua Jabatan.

PEMAKAIAN


7. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pekeliling dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:
 - 7.1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam);
 - 7.2. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
 - 7.3. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 15 Mac 2005 (Galakan Memakai Baju Kebangsaan pada Hari Jumaat);
 - 7.4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi); dan
 - 7.5. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021 (Pemakaian Batik Malaysia Bagi Pegawai Perkhidmatan Persekutuan).

8. Pembekalan baju korporat tidak boleh menggunakan peruntukan Jabatan/Bahagian dan hendaklah dibiayai sendiri oleh pegawai. Perkara ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan 3.1: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam.

9. Garis panduan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' INDERA NIK MASRUDIN BIN MOHD ZAWAWI)


Ketua Setiausaha


Kementerian Pendidikan Malaysia

07 Ogos 2023

LAMPIRAN 1

REKABENTUK BAJU KORPORAT (LELAKI)



<p>Dada Kiri</p> <p>0.8 cm</p> <p>Sulam</p> <p>NAMA</p>	<p>Dada Kanan</p> <p>4 cm</p> <p>2 cm</p> <p></p> <p>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</p> <p>9 cm</p>	<p>WARNA KORPORAT LELAKI (Warna Korporat Kementerian)</p> <p>R : 12 G : 9 B : 130</p> <p>Material : Viscose / Cotton Design : Base (White) : Piping (Dark Blue) Size 0.25cm</p>
---	---	---

LAMPIRAN 1

REKABENTUK BAJU KORPORAT (WANITA)

